

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Herbesser
2. Bagaimana Herbesser berfungsi
3. Sebelum menggunakan Herbesser
4. Cara menggunakan Herbesser
5. Semasa menggunakan Herbesser
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Herbesser
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Herbesser

Herbesser digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi (Hipertensi) dan angina. Angina adalah sakit dada yang teruk bila otot jantung tidak menerima oksigen yang mencukupi.

Bagaimana Herbesser berfungsi

Herbesser berfungsi dengan mengurangkan tegangan dan membuka ruang saluran pada saluran darah. Ini memudahkan pengedran darah kepada seluruh tubuh, menurunkan tekanan darah dan membantu menghantar lebih banyak oksigen ke jantung.

Sebelum menggunakan Herbesser**- Bila tidak boleh menggunakan**

Jangan gunakan produk ini jika anda mempunyai sebarang masalah jantung yang dikenali, seperti sekat jantung.

Jangan mengambil ubat ini jika anda alah kepada diltiazem, atau sebarang ramuan dalam ubat ini.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Herbesser jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Herbesser jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula menggunakan

Sebelum anda mula mengambil ubat ini, beritahu doktor anda jika anda:

- mempunyai sebarang keadaan perubatan lain, terutamanya penyakit yang berkaitan dengan jantung anda.

- Telah menjalani, atau merancang untuk menjalani sebarang jenis pembedahan dalam masa terdekat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sesetengah ubat akan menyebabkan komplikasi apabila diambil bersama Herbesser. Ubat-ubatan ini termasuk :

- Ejen antihipertensi
* Kesan ejen antihipertensi ditingkatkan

- Ejen *beta-blocker* atau persediaan *rauwolfia*
* Kadar jantung yang lebih rendah mungkin berlaku

- sebarang ubat jantung yang lain.

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Herbesser**- Berapa banyak harus digunakan**

Dos dewasa biasa ialah 30 mg diltiazem hidroklorida tiga kali sehari (90 mg / hari). Dos boleh dinaikkan kepada 60 mg tiga kali sehari (180 mg / hari), jika perlu.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Herbesser**- Perkara yang perlu dilakukan**

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Herbesser.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Herbesser dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Herbesser boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan termasuk:
Pening, sakit kepala, ketidakselesaan perut, loya, cirit-birit.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Herbesser

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dalam bekas yang ketat pada suhu bawah 30 °C, dan elakkan sebarang kelembapan

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

- Herbesser 30 adalah tablet putih dengan tanda TA 120 di satu sisi dan kosong di sisi lain.

Herbesser 60 adalah tablet putih dengan tanda TA 125 di satu sisi dan tanda 60 di sisi lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Hydrochloride Diltiazem

- Bahan tidak aktif

Lactose 200 mesh, Hydrogenated oil, Macrogol 6000, Magnesium Stearate.

- Nombor MAL

Herbesser 30:
MAL19861581AZ

Herbesser 60:
MAL19890319AZ

Pengilang

PT. Tanabe Indonesia
Jalan Rumah Sakit No. 104,
Ujungberung, Bandung 40612, Indonesia

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaforte (M) Sdn Bhd
2, Jalan PJU 3/49
Sunway Damansara
47810 Petaling Jaya

Tarikh kemaskini RiMUP

8/8/2014

Nombor Siri

BPFK(R4/1)130515/00103